



Ahli Kumpulan UEM

UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

20 JUN 2024

### PROJEK PELEBARAN LEBUHRAYA PLUS DARI SEDENAK KE SENAI (UTARA) BERMULA 28 JUN 2024


**Petaling Jaya, 20 Jun 2024:-** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) hari ini mengumumkan bahawa projek pembinaan lorong tambahan dari Sedenak ke Kulai (Pakej A) dengan tempoh pelaksanaan selama 36 bulan daripada 28 Jun 2024. Projek tersebut merupakan sebahagian daripada Fasa 1 dari Sedenak ke Senai (Utara) yang telah diumumkan sebelum ini. Kontrak untuk kerja-kerja tersebut telah dianugerahkan kepada kontraktor tempatan, WCT Berhad selepas menjalani proses tender terbuka.

Projek penambahan lorong daripada dua kepada tiga lorong ini dijangka dapat membantu pengguna lebuh raya yang melalui jajaran tersebut untuk menikmati perjalanan yang lebih lancar pada masa hadapan.

Projek pembinaan bagi lorong tambahan sepanjang 14 kilometer di antara Sedenak ke Kulai ini dijangka memberi manfaat kepada hampir 90 ribu pengguna harian lebuh raya. Pada peringkat permulaan ini, kerja-kerja awalan tidak akan mengganggu aliran trafik kerana dua lorong sedia ada di kedua-dua hala lebuh raya terbabit masih kekal dibuka kepada pengguna. PLUS juga akan membuat pengumuman dari masa ke semasa tentang perkembangan terkini projek ini menerusi saluran media sosial.

Secara keseluruhannya, projek pembinaan lorong tambahan ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia selari dengan nilai teras Malaysia MADANI bagi kesejahteraan dan ekonomi Malaysia. Projek ini dijangka akan menjadi pemangkin kepada pembangunan sosio-ekonomi di kawasan-kawasan sekitar seperti Sedenak, Kulai, Senai, Iskandar Malaysia dan Pagoh.

-TAMAT-



Page 1 of 2



Ahli Kumpulan UEM

FOR IMMEDIATE RELEASE

## KENYATAAN MEDIA

20<sup>th</sup> June 2024

### **PLUS HIGHWAY WIDENING PROJECT FROM SEDENAK TO SENAI (UTARA) TO COMMENCE 28 JUNE 2024**


**Petaling Jaya, 20 June 2024:** PLUS Malaysia Berhad (PLUS) today announced that the construction project for an additional lane from Sedenak to Kulai (Package A) will be implemented over 36 months will commence from 28 June 2024. The project is part of Phase 1 of the Sedenak to Senai (Utara) highway expansion project that was previously announced. The contract for the work has been awarded to a local contractor, WCT Berhad after undergoing an open tender process.

The project, which will expand the highway from two lanes to three lanes, is expected to help highway users traveling along this stretch to enjoy smoother journeys in the future.

The construction of the additional lanes spanning 14 kilometers between Sedenak to Kulai, is expected to benefit almost 90,000 daily users. The initial works will not affect flow of traffic on the highway as the two pre-existing lanes on both bounds will remain open for highway users. PLUS will also issue public announcements from time to time on the latest progress of the project through its social media channels.

Overall, the construction of these additional lanes is fully funded by the Government of Malaysia in line with Malaysia MADANI core values for national economic prosperity. This project is expected to be a catalyst for socio-economic development in surrounding areas such as Sedenak, Kulai, Senai, Iskandar Malaysia, and Pagoh.

-END-



Page 2 of 2